

BAB 2

ULASAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab ini membicarakan kajian terdahulu yang mempunyai pertalian dengan hipotesis dan pembolehubah. Ulasan literatur ini juga mensintesisasikan pengetahuan yang ada dalam bidang modal sosial bagi tujuan menjelaskan konsep-konsep modal sosial dan konsep pencapaian pendidikan, kajian-kajian di masa lalu dalam bidang modal sosial, serta aspek-aspek yang belum dikaji berkenaan modal sosial (Jha, 2014). Konsep modal sosial dipelajari dalam disiplin ilmu yang berbeza seperti sosiologi, ekonomi, antropologi, biologi dan lain-lain. Struktur keseluruhan bab ini terdiri daripada lima bahagian utama, termasuk bahagian pendahuluan. Bahagian dua dimulakan dengan perbincangan mengenai konsep modal sosial. Bahagian tiga membicarakan jenis-jenis modal sosial, diikuti dengan perbincangan mengenai dimensi modal sosial. Bahagian terakhir membicarakan hubungan di antara modal sosial dengan pencapaian akademik individu.

2.2 Konsep dan Teori Berkenaan Modal Sosial

2.2.1 Konsep Modal Sosial

Pelbagai definisi modal sosial telah dibincangkan dalam kajian-kajian lepas sebagai contohnya Halpern (2005) yang telah mendefinisikan modal sosial sebagai potensi untuk memudahkan tindakan individu dan masyarakat terutamanya melalui penyelesaian asalah tindakan kolektif. Sebaliknya, Nicholson dan Hoye (2008) telah mendefinisikan modal sosial sebagai sumber yang ada dan diakses oleh seorang individu atau masyarakat melalui

rangkaian sosial. Aspek yang berkaitan dengan modal sosial ialah kepercayaan, simpati dan timbal balik yang membentuk rangkaian yang menandakan kekuatannya dan kemampuan ahli untuk mengeluarkan atau mengakses sumber. Masyarakat yang mempunyai tahap modal sosial yang tinggi dicirikan melalui perkara utama iaitu rangkaian sosial kuat dan kemudahan infrastruktur yang disifatkan melalui norma sosial yang kuat seperti peraturan tidak formal dan formal berkenaan tingkah laku individu dan sosial serta berkaitan dengan sekatan. Aspek ini saling menyokong dan mengukuhkan kepercayaan dan timbal balik di kalangan ahli masyarakat. Perbincangan modal sosial kebiasaannya memberi perhatian pada keterikatan sosial, dan secara langsung membincangkan modal sosial ikatan, modal sosial merapatkan dan modal sosial menghubungkan.

Sebaliknya, Stone dan Hughes (2002) telah mendefinisikan modal sosial sebagai rangkaian interaksi sosial yang disifatkan oleh nilai kepercayaan dan ciri-ciri saling hubungan yang boleh mengeluarkan manfaat kolektif. Perkara penting dalam modal sosial ialah kualiti interaksi sosial yang boleh diketahui melalui kesan modal sosial ke atas kemampuan manusia bersama secara kumpulan untuk menamatkan masalah yang dihadapi secara kolektif dan mendapat manfaat kolektif. Modal sosial juga dapat diketahui sebagai satu sumber tindakan secara bersama yang menyebabkan pengeluaran keputusan secara besar-besaran dalam ukuran sosial berbeza-beza. Dalam latar belakang individu, kualiti interaksi membawa maksud bahawa terdapat akses kepada ciri-ciri saling hubungan dan interaksi sosial yang lebih senang untuk dipercayai yang membantu kaedah untuk mengendalikan dan mengembangkan sesuatu tindakan. Dalam masyarakat pula kualiti interaksi menunjukkan kemampuan anggota masyarakat untuk terlibat, bekerjasama, mengurus dan mengadakan perhubungan dengan individu lain.

Berdasarkan definisi-definisi modal sosial yang dibincangkan maka kajian ini telah mendefinisikan modal sosial sebagai rangkaian interaksi sosial yang disifatkan oleh

kepercayaan dan ciri-ciri saling hubungan serta mempunyai jenis yang berbeza seperti ikatan sosial, jambatan sosial dan hubungan sosial serta mempunyai enam dimensi iaitu kumpulan dan jaringan, kepercayaan, tindakan kolektif dan kerjasama, maklumat dan komunikasi, perpaduan dan penyertaan sosial serta pendayaupayaan (Stone dan Hughes, 2002). Ini adalah kerana mengandungi konsep yang terkini berkenaan modal sosial. Pada peringkat awal pendefinisian modal sosial adalah berkenaan dengan ikatan sosial, diikuti oleh jambatan sosial dan hubungan sosial. Banyak ulasan literatur seperti Infed Search (2007); Chaskin et al. (2006); Sirianni dan Friedland (2009); dan Grootaert (2001) yang telah diterbitkan yang memberikan definisi modal sosial sebagai merujuk kepada interaksi yang berlaku antara individu yang mempunyai rangkaian sosial, nilai ciri-ciri saling hubungan, kepercayaan yang membantu berlaku kerjasama dengan lebih mudah untuk mengeluarkan manfaat kolektif. Rangkaian sosial tersebut mengandungi norma kolektif dan meninggikan kecondongan untuk melaksanakan sesuatu perkara demi keperluan kolektif di kalangan anggota sosial. Rangkaian sosial dan nilai berkenaan mengandungi aspek-aspek yang boleh memberi kesan ke atas daya pengeluaran masyarakat. Modal sosial juga mempunyai perkaitan dengan sifat-sifat yang baik berkenaan awam di mana sifat-sifat yang baik berkenaan sivik tersebut mempunyai kuasa jika terlindung dalam rangkaian interaksi sosial yang mempunyai ciri-ciri saling hubungan. Modal sosial ditunjukkan sebagai satu set “perhubungan mendatar” di kalangan individu.

2.2.2 Konsep-konsep Dalam Modal Sosial

Definisi jenis-jenis modal sosial ialah kumpulan khusus pembolehkan yang mempunyai ciri-ciri yang sama yang membentuk jenis modal sosial iaitu ikatan sosial, jambatan sosial dan hubungan sosial. Bentuk atau jenis modal sosial ini menerangkan ciri-

ciri modal sosial di mana tiga jenis atau bentuk asas modal sosial tersebut telah dikenal pasti iaitu ikatan sosial atau *bonding*; merapatkan jurang atau *bridging*; dan hubungan atau *linking* (Field, 2003; Organisation for Economic Co-operation and Development, 2001).

Definisi dimensi modal sosial ialah merujuk pada enam komponen iaitu kumpulan-kumpulan dan jaringan-jaringan, kepercayaan dan perpaduan, tindakan kolektif dan kerjasama, maklumat dan komunikasi, perpaduan dan penyertaan sosial dan pendayaupayaan. Definisi ini dipilih kerana ia mengemukakan aspek-aspek penting dalam modal sosial seperti yang dinyatakan oleh pengkaji terdahulu (Grootaert et al. 2004; Korir et al. 2015).

Ikatan kuat adalah seperti ibu bapa, sekolah dan rakan sebaya manakala ikatan lemah adalah hubungan antara orang dan kawan rapat atau kenalan. Nod adalah aktor individu dalam rangkaian.

2.2.2.1 Ikatan Sosial

Pelbagai definisi modal sosial ikatan atau ikatan sosial telah dibincangkan dalam kajian-kajian lepas sebagai contohnya Nicholson dan Hoyer (2008) telah mendefinisikan ikatan sosial sebagai melibatkan norma, rangkaian dan kepercayaan yang menyumbang pada kerjasama ahli-ahli dalam kumpulan. Sebaliknya, van Staveren dan Knorringa (2008) telah mendefinisikan modal sosial ikatan sebagai perbezaan antara kumpulan manusia seperti keluarga, kumpulan etnik, kelas atau kumpulan berstruktur melalui proses-proses penyertaan dan pengeluaran (van Staveren dan Knorringa, 2008). Modal sosial ikatan membantu mengukuhkan lapisan sosial dan ikatan sosial juga dikenali sebagai ikatan kuat. Ikatan kuat iaitu ikatan sosial adalah terdiri daripada individu yang mempunyai hubungan akrab seperti ahli keluarga dan kawan rapat. Walau bagaimanapun, modal sosial ikatan atau

ikatan sosial adalah modal sosial yang ada dan boleh digerakkan dalam satu rangkaian sosial akrab. Modal sosial ikatan lebih dari ikatan akrab kerana modal sosial ikatan menilai kualiti ikatan akrab. Melalui kajian modal sosial ikatan individu dapat mengetahui kualiti ikatan akrab melalui kekerapan hubungan dan melalui sumber ikatan sosial yang boleh digerakkan oleh individu (Neves, 2012). Menurut Nisbet (1970) unsur-unsur amat penting dalam ikatan sosial seperti interaksi sosial, agregat sosial, autoriti sosial, peranan sosial, status sosial, norma sosial, dan entropi sosial. Interaksi sosial adalah berkenaan dengan sifat-sifat yang berkaitan dengan lambang dalam interaksi sosial dan sifat-sifat yang berkaitan dengan lambang ialah merupakan sebilangan pola amat berharga dalam interaksi yang dapat ditemui di merata-rata tempat dalam komuniti, antaranya, *exchange* (pertukaran), *cooperation* (kerjasama), *conformity* (keakuran), *coercion* (pemaksaan/paksaan) dan *conflict* (konflik). Lancee (2012) mendefinisikan modal sosial sebagai pengumpulan sumber-sumber yang dimiliki oleh ahli yang akrab dan rangkaian sosial padat yang ada pada individu hasil dari hubungan tersebut.

Berdasarkan definisi-definisi ikatan sosial yang telah dibincangkan di atas maka kajian ini mendefinisikan ikatan sosial sebagai hubungan sosial dengan individu-individu seperti keluarga, saudara mara dan persaudaraan serta mengkaji unsur-unsur utama ikatan sosial. Unsur-unsur yang amat berharga dalam ikatan sosial ialah interaksi sosial, agregat sosial, autoriti sosial, peranan sosial, status sosial, norma sosial, dan entropi sosial. Ini adalah kerana definisi ini dapat menerangkan perpaduan dalam kumpulan yang berbeza-beza.

Ini adalah kerana ia merangkumi norma, rangkaian dan kepercayaan yang menyumbang pada kerjasama ahli-ahli dalam kumpulan. Berbeza dengan definisi ulasan karya yang lepas ikatan modal sosial adalah rangkaian individu dari kumpulan yang serupa seperti warna kulit dan pendidikan yang sama dan dihasilkan melalui saling interaksi secara

percuma dan tidak dipetakan. Hasil kajian mendapati perhubungan yang positif antara pelaburan dalam modal sosial dengan modal sosial ikatan (Chen et al. 2015). Ini bermaksud definisi dalam kajian ini tidak hanya mengkaji rangkaian tetapi kepada aspek lain seperti norma dan kepercayaan. Unsur-unsur ikatan sosial adalah seperti berikut:

a. Interaksi sosial

Pelbagai definisi interaksi sosial yang telah dibincangkan di dalam kajian-kajian lepas sebagai contohnya Kendall (2016) telah mendefinisikan interaksi sosial sebagai proses individu bertindak ke arah individu yang lain atau memberi reaksi kepada individu yang lain dan interaksi sosial adalah asas kepada semua hubungan dan kumpulan dalam masyarakat. Sebaliknya, Osherenko (2014) telah mendefinisikan interaksi sosial sebagai kelakuan dua manusia atau lebih. Jika manusia mewakili budaya yang berbeza maka interaksi sosial adalah antara budaya. Manakala Nisbet (1970) telah mendefinisikan interaksi sosial sebagai berkaitan sifat-sifat yang berkaitan dengan lambang dalam perhubungan sosial dan sifat-sifat yang berkaitan dengan lambang ialah merujuk pada sebilangan pola yang amat berharga dalam interaksi yang ditemui di merata-rata tempat dalam komuniti, antaranya, *exchange* (pertukaran), *cooperation* (kerjasama), *conformity* (keakuran), *coercion* (pemaksaan/paksaan) dan *conflict* (konflik). Berdasarkan pada definisi yang telah dibincangkan di atas, maka kajian ini akan mendefinisikan interaksi sosial sebagai pertukaran, kerjasama, kepatuhan, paksaan dan konflik. Ini adalah kerana definisi ini dapat menggambarkan hubungan antara dua, tiga atau lebih individu dari segi tindakan saling membalas dan saling mempengaruhi.

Pelbagai definisi pertukaran telah dibincangkan di dalam kajian-kajian lepas sebagai contohnya Blau (2009) telah mendefinisikan pertukaran sebagai satu proses sosial yang sangat kepentingan dalam kehidupan sosial dan berasal dari proses mudah serta proses-

proses lebih rumit. Pertukaran sosial pada umumnya didefinisikan sebagai mendasari hubungan antara kumpulan dan antara individu, perbezaan dalam kuasa dan ikatan kumpulan sebaya, konflik antara kuasa yang berlawanan dan yang mengadakan kerjasama; sambungan akrab dan sambungan antara ahli-ahli jauh dalam masyarakat tanpa ada hubungan sosial langsung. Saling pertukaran dari manfaat yang boleh dilihat adalah dibezakan dari proses-proses sosial yang lain sebagai contohnya persatuan yang mempunyai kepentingan yang tidak dapat dilihat. Perbezaan status adalah berasal dari pertukaran di bawah syarat khusus dan aspek berbeza dalam struktur kumpulan berbeza. Konsep pertukaran sosial secara langsung memberi tumpuan pada sifat-sifat yang muncul dalam hubungan interpersonal dan interaksi sosial. Saling pertukaran dalam perkhidmatan mencipta ikatan sosial antara dua pihak. Setiap tingkah laku individu adalah diperkukuhkan melalui ganjaran tetapi proses psikologi dalam pengukuhan tidak memadai untuk menjelaskan hubungan pertukaran yang dibangunkan. Hubungan sosial adalah keluaran bersama dalam tindakan kedua-dua individu dengan tindakan setiap individu adalah bergantung antara satu sama lain.

Sebaliknya, Peterson (2013) telah mendefinisikan teori pertukaran sebagai merangkumi beberapa tradisi teoretikal yang menumpukan pada hubungan pertukaran dan interaksi. Satu dari tanda tradisi pertukaran adalah pembangunan sistematik dan menguji prinsip teoretikal dan ramalan. Teori pertukaran boleh menangani kesan struktur jaringan pertukaran, proses pertukaran dan hasil pertukaran. Teori pertukaran secara khususnya menumpukan pada menjelaskan pemahaman manusia berkenaan kuasa dengan penekanan khusus pada ramalan ke atas taburan kuasa dalam jaringan. Teori pertukaran menumpukan pada hasil afektif dan tingkah laku dalam pertukaran termasuk emosi, kepercayaan, komitmen dan tingkah laku kolektif. Berdasarkan pada definisi yang telah dibincangkan di atas, maka kajian ini akan mendefinisikan pertukaran sebagai proses tindakan seorang

individu atau kumpulan untuk mendapatkan ganjaran. Ini adalah kerana definisi ini dapat menjelaskan hubungan yang berlaku dalam cara tidak dapat dilihat dengan mata kasar manusia.

Pelbagai definisi kerjasama telah dibincangkan di dalam kajian-kajian lepas sebagai contohnya Tuomela (2000) telah mendefinisikan kerjasama sebagai matlamat yang diterima secara bersama atau dalam erti kata lain adalah matlamat bersama dan matlamat peribadi yang dikongsi atau semata-mata secara peribadi. Kerjasama pada umumnya adalah aktiviti bersama iaitu dua atau lebih individu adalah bekerjasama supaya mencapai matlamat atau matlamat yang dikongsi. Manusia sentiasa bekerjasama dalam ruang bersama iaitu individu tindakan individu menjadi kerjasama apabila ia berasaskan pada matlamat bersama. Kerjasama secara jelasnya adalah berkaitan dengan tindakan bersama dengan ciri-ciri sosial yang sesuai.

Sebaliknya, Sennett (2012) telah mendefinisikan kerjasama sebagai pertukaran iaitu peserta mendapat manfaat dari pertemuan. Kerjasama boleh digabungkan persaingan sebagai contohnya kanak-kanak bekerjasama untuk menubuhkan peraturan asas untuk permainan dan bersaing menentang antara satu sama lain. Dalam kehidupan orang dewasa gabungan kerjasama dan persaingan muncul dalam pasaran ekonomi, politik pilihan raya dan dalam rundingan diplomatik. Kerjasama menjadi nilai diri dalam upacara keagamaan dan sekular serta boleh wujud dalam keadaan tidak formal dan formal. Berdasarkan pada definisi yang telah dibincangkan di atas, maka kajian ini akan mendefinisikan kerjasama sebagai interaksi kemasyarakatan di kalangan individu atau kumpulan seperti tindakan bersama untuk memenuhi matlamat bersama. Ini adalah kerana definisi ini menggambarkan cara paling asas dalam interaksi sosial seperti pengagihan kerja dan keseragaman dalam peranan.

Pelbagai definisi kepatuhan telah dibincangkan di dalam kajian-kajian lepas sebagai contohnya Marchment (2001) telah mendefinisikan kepatuhan sebagai tindakan individu berhubung dengan individu yang lain dalam kumpulan. Kepatuhan akan berlaku apabila individu cuba untuk meniru rutin, tindakan dan pendekatan ke arah aktiviti kumpulan. Kepatuhan adalah penting sebagai strategi menangani ketegangan yang memerlukan perhatian dan boleh melibatkan reifikasi kategori biasa melalui proses sosialisasi atau melalui komitmen ideologi atau berkenaan dengan agama (Dyer, 2010).

Sebaliknya, Fabrigar dan Norris (2012) telah mendefinisikan kepatuhan sebagai perubahan dalam tingkah laku atau kepercayaan dan perasaan untuk disesuaikan dengan norma kumpulan. Banyak kajian merekodkan bahawa kepatuhan adalah merupakan faktor yang memudahkan dan menghalang penyataan dan meneroka motivasi yang menyebabkan manusia patuh. Sebagai contohnya kajian oleh Chartrand dan Dalton pada tahun 2009 yang mengkaji fenomena peniruan yang mengandungi kepatuhan. Berdasarkan pada definisi yang telah dibincangkan di atas, oleh itu kajian ini akan mendefinisikan kepatuhan sebagai individu membuat penyesuaian sikap, kepercayaan dan tingkah laku dalam kumpulan. Ini adalah kerana definisi ini menggambarkan interaksi sosial dalam kumpulan kecil dan kumpulan besar yang dipengaruhi oleh faktor secara sedar atau tidak sedar.

Terdapat banyak definisi paksaan yang dibincangkan dalam kajian-kajian lepas sebagai contohnya Colvin (2000) telah mendefinisikan paksaan atau pemaksaan sebagai kuasa yang menyebabkan individu untuk bertindak dalam cara tertentu kerana ketakutan atau kerisauan yang dicipta dari paksaan. Paksaan akan berlaku apabila individu dipaksa untuk bertindak dalam cara tertentu melalui kuasa langsung atau ugutan daripada orang lain atau melalui tekanan ekonomi impersonal atau kuasa sosial. Bentuk paksaan interpersonal mungkin melibatkan penggunaan kekerasan. Paksaan boleh melibatkan ancaman atau pengambilan nilai sebagai contohnya pekerjaan individu atau lain-lain sokongan sosial. Ia

memotivasikan tingkah laku kerana ia adalah secara fizikal dan secara emosi menyeksakan dan kerana ancaman mengeluarkan sokongan sosial ekspresif dan instrumental (Bruell, 2013).

Sebaliknya, Reidy dan Riker (2008) telah mendefinisikan paksaan sebagai fenomena kompleks yang berlaku dalam ruang interpersonal dan institusi atau politik. Konsep paksaan diletakkan dalam ruang interpersonal dan institusi atau politik, yang merupakan satu analisis lengkap dan koheren yang mempunyai lingkungan penggunaan dalam kedua ruang tersebut. Paksaan interpersonal adalah campuran paksaan institusi atau politik. Berdasarkan pada definisi yang telah dibincangkan di atas, maka kajian ini akan mendefinisikan paksaan sebagai memaksa pihak lain bertindak secara tidak sukarela melalui ancaman, ugutan atau tekanan. Ini adalah kerana definisi ini menggambarkan kewujudan tingkah laku individu.

Kajian-kajian lepas banyak membincangkan definisi konflik sebagai contohnya Ike (2008) telah mendefinisikan konflik sebagai aktiviti-aktiviti yang tidak sesuai berlaku, aktiviti dihalang atau diganggu dengan kejadian atau keberkesanan aktiviti kedua. Konflik boleh jadi sekecil perselisihan atau sebesar peperangan dan boleh berasal dari dalam diri seorang individu, antara dua atau lebih, dua atau lebih kumpulan yang terlibat dalam perdebatan fizikal atau verbal.

Sebaliknya, Fisher et al. (2000) telah mendefinisikan konflik sebagai hubungan antara dua pihak atau lebih sama ada individu atau kumpulan yang mempunyai matlamat yang tidak sepadan. Konflik adalah hakikat kehidupan, tidak dapat dielakkan dan seringkali kreatif. Konflik berlaku apabila manusia mengejar matlamat yang saling bertentangan. Perbezaan pendapatan dan konflik adalah biasanya diselesaikan tanpa keganasan dan menyebabkan situasi menjadi lebih baik. Konflik berlaku dari aras mikro iaitu pada aras interpersonal hingga ke kumpulan, organisasi, masyarakat dan bangsa dan semua hubungan

manusia seperti hubungan sosial, hubungan ekonomi dan hubungan kuasa seperti pertumbuhan pengalaman, perubahan dan konflik. Konflik timbul dari ketidakseimbangan dalam hubungan tersebut iaitu status sosial tidak sama, ketidaksamaan dalam kekayaan dan akses kepada sumber dan ketidaksamaan dalam kuasa yang menyebabkan masalah seperti diskriminasi, pengangguran, kemiskinan, penindasan dan jenayah. M. Afzalur Rahim (2001) telah mendefinisikan konflik sebagai proses interaktif yang ditunjukkan melalui ketidakserasian, perbezaan pendapat atau percanggahan antara entiti sosial seperti individu, kumpulan, organisasi dan lain-lain. Konflik berlaku apabila wujud satu atau dua entiti sosial tersebut iaitu pertama perlu terlibat dalam satu aktiviti yang tidak sesuai dengan kepentingan atau keperluan. Kedua, mempunyai tingkah laku pilihan dan kepuasan yang tidak serasi dengan pelaksanaan individu lain. Ketiga, memerlukan sumber yang kekurangan seperti sumber yang tidak mendapat kepuasan dari manusia lain. Keempat, mempunyai sikap, nilai, kemahiran dan matlamat yang adalah menonjol dalam mengarah kepada tingkah laku tetapi adalah dianggap menjadi eksklusif dalam sikap, nilai, kemahiran dan matlamat yang dipegang oleh manusia lain. Kelima, mempunyai sebahagian pilihan tingkah laku eksklusif berdasarkan tindakan bersama dan keenam adalah saling bergantung dalam pelaksanaan fungsi atau aktiviti. Berdasarkan pada definisi yang telah dibincangkan di atas, maka kajian ini akan mendefinisikan konflik sebagai pertentangan antara dua individu atau lebih. Ini adalah kerana definisi ini dapat menggambarkan persaingan dan cita-cita dalam bentuk konflik.

b. Agregat sosial

Terdapat banyak definisi agregat sosial yang dibincangkan dalam kajian-kajian lepas sebagai contohnya Zgourides (2000) telah mendefinisikan agregat sosial sebagai koleksi individu-individu yang berada di tempat yang sama tetapi tidak berinteraksi atau

berkongsi sifat. Sebaliknya, kajian yang lain seperti oleh Kendall (2016) telah mendefinisikan agregat sosial sebagai koleksi orang yang berada di tempat yang sama pada masa yang sama tetapi berkongsi sedikit persamaan. Berdasarkan kepada definisi-definisi yang telah dibincangkan di atas, maka kajian ini akan mendefinisikan agregat sosial sebagai himpunan manusia secara bersama yang berkongsi identiti seperti simbol, menyedari ahli lain dan saling mempengaruhi ahli lain. Ini adalah kerana definisi ini menggambarkan kesedaran bersama, kesamaan, interaksi dan perasaan individu dalam kumpulan.

c. Autoriti sosial

Pelbagai definisi autoriti sosial telah dibincangkan di dalam kajian-kajian lepas sebagai contohnya Bonnycastle (2002) yang telah mendefinisikan autoriti sosial sebagai pembinaan sosial yang dimainkan oleh semua bahagian dalam masyarakat untuk mewujudkan autoriti dan adalah mudah dicapai oleh semua individu.

Sebaliknya, Tocqueville (2004) telah mendefinisikan autoriti sosial sebagai individu tidak percaya dan bimbang serta bergantung pada kuasa hanya apabila mereka tidak boleh melakukan sesuatu tindakan tanpa autoriti sosial. Manakala Austin (2010) telah mendefinisikan autoriti sosial sebagai berasaskan pada kenyataan bahawa manusia adalah sosial mengikut tabii atau sifat asal iaitu tinggal dengan manusia yang lain dalam hubungan saling bergantung. Manusia menjalankan usaha kerjasama yang berjaya menyempurnakan kerjasama keseluruhan yang diperlukan. Oleh itu, autoriti diperlukan untuk tindakan bersama dalam masyarakat. Walaupun terdapat kecenderungan berterusan untuk melihat autoriti dan kebebasan sebagai sesuatu yang bertentangan. Autoriti tidak semata-mata untuk fungsi pemulihan tetapi fungsi autoriti adalah untuk mengembangkan keupayaan manusia. Oleh kerana kerjasama memerlukan penyelarasan dan penyelarasan memerlukan autoriti. Autoriti meningkatkan perkembangan manusia. Berdasarkan pada

definisi yang telah dibincangkan di atas, maka kajian ini akan mendefinisikan autoriti sosial sebagai kuasa formal seperti melalui undang-undang atau peraturan dan kuasa tidak formal adalah secara spontan seperti sumber kuasa dari jawatankuasa. Ini adalah kerana definisi ini menggambarkan fungsi kumpulan dan susunan dalam kumpulan.

d. Peranan sosial

Kajian-kajian lepas banyak membincangkan definisi peranan sosial sebagai contohnya O'Brien (2010) telah mendefinisikan peranan sosial sebagai bahagian yang dimainkan oleh individu dalam latar belakang sosial dan hubungan yang membentuk kehidupan individu. Cara manusia berhubung, bergantung antara satu sama lain dan menjalankan tanggungjawab antara satu sama lain adalah berbeza. Peranan sosial menumpukan pada cara individu memberikan sumbangan dan membuat perubahan dalam kehidupan manusia yang lain. Peranan sosial boleh menjelaskan hubungan yang rumit dan berpanjangan seperti hubungan antara ayah dan anak manakala bentuk hubungan yang lain adalah terbatas seperti hubungan pemilik restoran dan pelanggan. Peranan sosial menempatkan manusia dalam ruang sosial, menstrukturkan cara manusia dalam membuat sumbangan khusus yang biasanya muncul dan memberi isyarat berkenaan perkara yang dijangka dari peranan sosial. Sesetengah peranan memberikan petunjuk yang berbeza sebagai contohnya pakaian seragam pelajar sekolah menunjukkan bahawa individu tersebut adalah pelajar sekolah. Peranan sosial penting kerana ia memberi petunjuk bagaimana manusia boleh melaksanakan strategi untuk menangani masalah individu lain dan memberi petunjuk tentang kedudukan yang mungkin mereka miliki dari sudut pandangan individu lain. Individu menjangkakan manusia lain akan memainkan peranan dan melakukan yang terbaik untuk bekerjasama. Individu memainkan peranan sosial dengan melihat individu lain memainkan peranan dan melalui petunjuk kaedah lisan dan bukan lisan yang diperolehi

daripada individu lain dan persekitaran. Kanak-kanak prasekolah mempelajari peranan dan mengamalkan peranan dari cara guru menyusun aktiviti dan cara kanak-kanak lain bertingkah laku. Terdapat banyak cara untuk memainkan peranan kerana setiap latar belakang sosial mempunyai kualiti tersendiri dan setiap orang menunjukkan personaliti dan kemampuan khusus kepada peranan mereka. Sekolah yang berbeza mempunyai tradisi yang berbeza dan guru mempunyai identiti tersendiri walau bagaimanapun setiap guru boleh dikenal pasti melalui peranan yang dimainkan (O'Brien, 2010).

Sebaliknya, vorgelegt bei (2000) telah mendefinisikan peranan sosial sebagai tingkah laku dalam kelas sosial dan membolehkan individu memenuhi jangkaan masyarakat. Peranan sosial adalah diperolehi semasa zaman kanak-kanak yang boleh menggambarkan identiti individu dan menyebabkan individu bertindak serta bergerak balas dalam cara tertentu bergantung pada skema yang diperolehi dan menurut kelas sosial yang dimiliki oleh individu tersebut. Peranan sosial menentukan perkara yang perlu dilakukan ke atas pengalaman dan harapan dalam kehidupan, cara untuk memahami hak, tanggungjawab dan corak tingkah laku yang dijangka berkaitan dengan status sosial tertentu. Peranan sosial adalah sangat berkaitan dengan kelas sosial. Berdasarkan pada definisi yang telah dibincangkan di atas, maka kajian ini akan mendefinisikan peranan sosial sebagai tingkah laku yang dijangka seperti taraf atau kedudukan individu dalam kumpulan atau situasi sosial. Ini adalah kerana definisi ini menggambarkan perhubungan individu dalam kumpulan, kewajipan dan perubahan tingkah laku.

e. Status sosial

Kajian-kajian lepas banyak membincangkan definisi status sosial sebagai contohnya Mennen (2011) telah mendefinisikan status sosial sebagai kedudukan yang individu miliki dalam struktur sosial seperti seorang guru dan bentuk lapisan sosial yang kedudukan sosial

diperingkatkan dan disusun melalui ciri-ciri undang-undang, politik dan kebudayaan ke dalam kumpulan status. Menurut Weber (1978) status biasanya berdasarkan pada cara hidup khusus dan dinyatakan serta dikekalkan melalui penyingkiran amalan seperti perkahwinan, adat resam dan penyusunan kehidupan umum. Sebilangan individu dengan kedudukan status umum membentuk satu kumpulan status yang menikmati rasa hormat umum dan menguasai status tertentu ke atas sumber dalam kumpulan. Konsep kumpulan status oleh Weber (1978) menerangkan masyarakat yang prestij berasal dari kebudayaan dan bukannya oleh faktor ekonomi atau politik serta berdasarkan pada idea cara hidup yang betul. Individu yang berada dalam masyarakat adalah sepatutnya berhubung dengan individu yang datang dari status yang sama dan melihat individu dari masyarakat luar kedudukan status sosial sebagai lebih rendah taraf. Weber membezakan antara status yang dicapai dan status warisan iaitu status yang dicapai adalah kedudukan sosial berdasarkan kualiti dan pencapaian yang diperolehi oleh individu sepanjang hayat melalui pengaplikasian pengetahuan, kemampuan dan kemahiran yang dicapai melalui pendidikan, kerjaya, status perkahwinan atau lain-lain bentuk perbezaan sosial. Status warisan adalah bertentangan dengan status yang dicapai iaitu status warisan adalah kedudukan sosial yang diwarisi, ditentukan semasa lahir dan berdasarkan pada gender, umur, kumpulan etnik dan latar belakang keluarga (Mennen, 2011).

Sebaliknya, Schooler (2013) telah mendefinisikan status sosial sebagai perspektif hierarki dan mempunyai maksud yang sama dengan istilah kelas sosial. Walau bagaimanapun ahli sosiologi membeza status sosial dengan istilah kelas sosial. Berdasarkan pada definisi yang telah dibincangkan di atas, maka kajian ini akan mendefinisikan status sosial sebagai hierarki atau susunan dalam kumpulan. Ini adalah kerana definisi ini menggambarkan kedudukan individu dalam kumpulan dan pencapaian individu.

f. Norma sosial

Kajian-kajian lepas banyak membincangkan definisi norma sosial sebagai contohnya Sharma dan Malhorta (2007) telah mendefinisikan norma sosial adalah konsep yang kebiasaannya boleh digunakan psikologi sosial untuk merujuk pada semua peraturan-peraturan dalam kehidupan sosial yang boleh merangkumi penilaian ke atas objek, individu, tindakan dan idea. Norma sosial adalah corak tingkah laku individu yang boleh dinilai. Kepatuhan pada norma sosial adalah melalui pengaruh sosial yang diperhatikan melalui kaedah eksperimen dalam persepsi visual. Proses pembelajaran norma sosial dan jangkaan adalah berbeza mengikut individu kerana personaliti yang berbeza. Norma ialah peraturan, piawai, atau corak tingkah laku. Oleh itu, norma sosial adalah peraturan tingkah laku. Norma adalah piawai dengan merujuk pada tingkah laku yang dinilai dan betul atau salah. Norma bukan merupakan purata statistik tingkah laku sebenar tetapi merupakan definisi kebudayaan yang dikongsi dalam tingkah laku yang diingini. Norma adalah model mental atau garis panduan yang secara idea individu mengawal dan menilai tindakan sendiri dan individu lain. Arahan normatif merupakan kawalan kerana sebahagian besarnya bergantung pada kebarangkalian saling kerjasama yang harus dijalankan untuk mengambil kira unit tindakan saling tidak mengganggu yang adalah terlibat dalam aktiviti yang berbeza. Norma adalah satu piawai yang menetapkan pelaksanaan atau ciri-ciri kumpulan individu besar bertentangan dengan individu lain yang boleh dibandingkan. Norma sosial sentiasa dibina pada masa interaksi sosial dalam kehidupan seharian dan norma sosial adalah merujuk pada kriteria pengalaman dan tingkah laku dalam interaksi sosial yang mengawal tingkah laku ahli kumpulan (Sharma dan Malhorta, 2007).

Sebaliknya, Brennan et al. (2013) telah mendefinisikan norma sosial sebagai kategori ketiga norma. Manakala Mackie et al. (2012) telah mendefinisikan norma sosial sebagai fenomena yang berlaku sejajar dengan jangkaan timbal balik manusia dalam

kumpulan yang juga dipanggil rangkaian rujukan. Saling bergantung jangkauan menyebabkan norma sosial dapat menangani perubahan. Berdasarkan pada definisi yang telah dibincangkan di atas, maka kajian ini akan mendefinisikan norma sosial sebagai tingkah laku yang diterima dalam kumpulan atau tingkah laku piawai yang mematuhi peraturan yang ditetapkan. Ini adalah kerana definisi ini menggambarkan nilai, kepercayaan, sikap dan tingkah laku manusia serta kesesuaian tingkah laku.

g. Entropi sosial

Kajian-kajian lepas banyak membincangkan definisi entropi sosial sebagai contohnya Bera dan Acharjee (2013) telah mendefinisikan entropi sosial adalah teori sistem makro sosiologikal yang mengukur kerosakan semula jadi dalam sistem sosial. Entropi sosial dapat dirujuk sebagai kerosakan susunan sosial atau perihal hilangnya perbezaan sosial. Majoriti kuasa yang digunakan oleh organisasi sosial adalah untuk menjadikan kekal dalam susunan, mengimbangi entropi sosial sebagai contohnya melalui institusi undang-undang, pendidikan dan menggalakkan individu menonton televisyen. Entropi sosial ialah pernyataan berkenaan entropi merangkumi jumlah tenaga (motivasi) yang tidak ada untuk melakukan sesuatu kerja (pelaksanaan) dalam proses yang telah ditetapkan untuk satu sistem sosial. Aspek kedua ialah dibezakan melalui model tingkah laku negatif, pengasingan dan penyimpangan. Ketiga, entropi sosial yang berfungsi untuk menanamkan kesan pentaktertiban dalam arahan atau struktur sosial yang ditetapkan. Keempat, entropi sosial dibezakan melalui model tingkah laku negatif, pengasingan, anomie dan penyimpangan. Kelima, entropi sosial berfungsi untuk menanamkan kesan pentaktertiban dalam arahan atau struktur sosial yang telah ditetapkan (Bera dan Acharjee, 2013).

Sebaliknya, Collins (2012) telah mendefinisikan entropi sosial sebagai teori saintifik berkenaan masyarakat. Entropi sosial boleh digunakan untuk menerangkan

fenomena sebenar seperti sistem sosial khusus dan boleh diuji melalui merujuk kepada tanda gangguan berbeza merentasi masa. Teori entropi sosial merupakan model deskriptif untuk memahami fenomena sistem sosial dan institusi yang cenderung ke arah keadaan tidak teratur. Teori entropi sosial merupakan model ramalan kerana ia menjangkakan sistem sosial kekurangan tenaga walau bagaimanapun boleh diukur dan boleh menyebabkan keadaan kekacauan. Keadaan tersebut boleh dicirikan melalui keadaan kemiskinan, ketidaksamaan dan jangka hayat yang rendah. Berdasarkan pada definisi yang telah dibincangkan di atas, maka kajian ini akan mendefinisikan entropi sosial sebagai tingkah laku yang mempunyai kualiti negatif yang timbul dari pertentangan dengan norma, peranan dan pihak berkuasa serta berlaku pengasingan, konflik dan penyimpangan. Ini adalah kerana definisi ini dapat menggambarkan tingkah laku endemik dalam semua bentuk perhubungan manusia.

2.2.2.2 Jambatan Sosial

Kajian-kajian lepas banyak membincangkan definisi jambatan sosial sebagai contohnya Nicholson dan Hoye (2008) telah mendefinisikan jambatan sosial atau modal sosial merapatkan terhasil dari hubungan dan ikatan antara kumpulan yang berbeza-beza jenis. Kumpulan tersebut mempunyai ahli dari masyarakat yang berbeza melibatkan kumpulan agama, etnik dan tahap pendapatan berbeza. Individu dalam jenis ini tidak berhubung dengan organisasi. Hubungan sosial dalam kumpulan yang berbeza adalah kemungkinan untuk menyampaikan rangkaian yang adalah lebih berpandangan terbuka dan menghasilkan individu dari tatasusunan yang luas dalam latar belakang sosial. Modal sosial merapatkan boleh membantu masyarakat untuk membina kemampuan dan daya tahan dalam menghadapi perubahan dinamik dan pantas (Nicholson dan Hoye, 2008).

Sebaliknya Lancee (2012) telah mendefinisikan modal sosial merapatkan sebagai hubungan yang merangkumi jurang dan tahap kepercayaan yang rendah. Pada tahap individu, modal sosial merapatkan merujuk pada koleksi sumber yang dimiliki oleh ahli dalam rangkaian sosial yang luas yang ada kepada individu hasil dari sejarah hubungan tersebut. Modal sosial merapatkan kolektif merujuk pada sumber yang tidak dimiliki oleh masyarakat etnik atau ahli-ahli masyarakat yang ada untuk semua ahli dalam masyarakat.

Berdasarkan pada definisi yang telah dibincangkan di atas, maka kajian ini mendefinisikan jambatan sosial atau modal sosial merapatkan sebagai satu kategori ikatan sosial yang mewujudkan interaksi dua kelompok yang berbeza dalam jaringan sosial. Ini adalah kerana dalam jaringan sosial, modal sosial jambatan ialah berguna bagi menyampaikan maklumat dari sebuah kelompok ke kelompok yang lain.

2.2.2.3 Hubungan Sosial

Pelbagai definisi hubungan sosial telah dibincangkan di dalam kajian-kajian lepas. Contohnya, Blakely dan Ivory (2011) telah mendefinisikan hubungan sosial sebagai nilai memandang tinggi dan jaringan interaksi sosial yang mempunyai kepercayaan ke atas individu yang mempunyai perhubungan dalam keseluruhan kuasa yang nyata, formal atau mempunyai institusi atau kecondongan pihak berautoriti dalam komuniti. Sebagai contohnya perhubungan sosial di kalangan rakyat dengan pihak berkuasa tempatan dan pihak berkuasa perancangan kesihatan ialah menunjukkan modal sosial yang menghubungkan atau hubungan sosial. Hubungan sosial atau modal sosial yang menghubungkan adalah berkaitan dengan interaksi di kalangan individu-individu atau entiti-entiti yang tidak setaraf dari segi kedudukan khususnya kedudukan kuasa (Sundquist et al. 2014; Macke dan Dilly, 2010).

Sebaliknya, kajian Jong (2010) telah mendefinisikan hubungan sosial sebagai hubungan antara aktor yang berasal daripada organisasi yang berbeza di mana aktor berasal dari latar belakang yang berbeza. Lalitha (2013) telah mendefinisikan modal sosial hubungan sebagai hubungan menegak antara orang miskin dan orang dalam kedudukan berpengaruh dalam organisasi formal seperti bank, pejabat pertanian dan lain-lain. Modal sosial hubungan boleh wujud dalam bentuk formal dan tidak formal yang mempunyai hubungan merentasi struktur pihak autoriti formal atau institusi (Jordan, 2015).

Berdasarkan pada definisi yang telah dibincangkan di atas, maka kajian ini akan mendefinisikan hubungan sosial sebagai sambungan dengan orang-orang yang berkuasa dan sambungan dengan institusi formal secara menegak. Ini adalah kerana hubungan sosial adalah menerangkan hubungan melintang kuasa yang jelas, formal atau diinstitusikan dalam masyarakat.

2.2.2.4 Kumpulan dan Jaringan

Pelbagai definisi kumpulan dan jaringan yang telah dibincangkan di dalam kajian-kajian lepas sebagai contohnya Lalitha (2013) yang telah mendefinisikan sokongan kumpulan dan aktiviti rangkaian adalah penting untuk modal sosial merapatkan dan modal sosial menghubungkan. Penglibatan individu untuk merancang diri mereka dan menggerakkan sumber bagi menyelesaikan masalah kepentingan umum adalah merupakan sebahagian dari output yang ada dalam rangkaian kumpulan yang meningkatkan atau membina modal sosial. Rangkaian terpusat adalah sangat membantu fasa awal dalam pembentukan kumpulan dan membina sokongan untuk tindakan kolektif. Kumpulan dan agensi luar adalah kemungkinan untuk mempengaruhi satu sama lain yang demikian menyebabkan perkongsian maklumat dan sumber adalah kuat. Kumpulan dan jaringan

boleh menyebarkan maklumat, mengurangkan kelakuan oportunistik dan memudahkan pembuatan keputusan kolektif serta hasil adalah bergantung pada banyak aspek yang menggambarkan struktur, keahlian dan cara kumpulan dan jaringan berfungsi.

Sebaliknya, Newman (2010) telah mendefinisikan jaringan sebagai koleksi titik bersambung bersama secara berpasangan mengikut garis. Titik adalah dirujuk kepada puncak atau nod dan garis adalah dirujuk kepada tepi. Banyak perkara-perkara dalam fizikal, biologi dan sains sosial boleh difikirkan sebagai jaringan dan terdapat banyak sistem adalah terdiri daripada bahagian individu atau komponen yang bersambung bersama-sama dalam cara yang berbeza. Jaringan pada umumnya satu cara menggambarkan corak sambungan atau interaksi antara bahagian dalam sistem. Jaringan sosial adalah biasanya satu jaringan individu dan merupakan jaringan kumpulan manusia seperti syarikat dan persatuan. Kumpulan atau manusia tersebut membentuk nod jaringan dan sempadan (tepi) menggambarkan sambungan beberapa jenis antara nod seperti persahabatan antara individu atau hubungan perniagaan antara syarikat atau persatuan. Jaringan sosial atau jaringan yang merupakan nod atau merujuk pada manusia atau kumpulan manusia dan sempadan (tepi) menggambarkan bentuk interaksi sosial antara mereka seperti persahabatan. Bidang sosiologi adalah paling lama membangunkan tradisi kajian empirikal berkenaan jaringan kerana fenomena jaringan berlaku dalam dunia sebenar dan kebanyakan peralatan matematik dan statistik yang digunakan dalam kajian jaringan adalah dipinjam secara langsung atau tidak langsung daripada ahli sosiologi. Ahli sosiologi telah membangunkan bahasa mereka sendiri untuk membincangkan jaringan iaitu merujuk nod (manusia) sebagai aktor dan sempadan (tepi) sebagai ikatan. Contoh jaringan adalah seperti pola persahabatan dikalangan ahli persatuan karate iaitu jaringan adalah dibina melalui pemerhatian langsung dalam interaksi antara ahli persatuan.

Manakala Daniel et al. (2013) telah mendefinisikan kumpulan sebagai berdasarkan pada kepadatan keahlian, keahlian yang berbeza-beza, had dalam melaksanakan demokrasi dan had dalam interaksi sosial dengan kelompok-kelompok yang lain. Telah diperincikan bahawa kepadatan keahlian adalah merujuk pada purata jumlah ahli setiap kelompok. Rangkaian sosial mengutip maklumat berkenaan dengan saiz rangkaian sosial, perbezaan dalaman dan ukuran rangkaian sosial yang menyediakan bantuan ketika diperlukan. Saiz rangkaian sosial dapat difahami dengan melihat pada jumlah rakan yang akrab, manakala perbezaan dalaman pula dapat difahami menerusi status ekonomi individu dalam sesuatu rangkaian sosial. Berdasarkan pada definisi yang telah dibincangkan di atas, maka kajian ini akan mendefinisikan kumpulan dan jaringan sebagai kepadatan ahli, kepelbagaian ahli, had dalam melaksanakan demokrasi dan had interaksi sosial dengan kelompok lain. Ini adalah kerana definisi ini menerangkan purata jumlah anggota setiap kelompok, mengutip maklumat saiz rangkaian sosial, perbezaan dalaman dan ukuran berkenaan rangkaian sosial yang menyediakan bantuan.

2.2.2.5 Kepercayaan

Pelbagai definisi kepercayaan telah dibincangkan di dalam kajian-kajian lepas contohnya Lalitha (2013) yang telah mendefinisikan modal kepercayaan adalah merujuk pada bilangan sumber dan faedah yang aktor boleh mengaktifkan kerana reputasi boleh dipercayai oleh individu lain. Modal kepercayaan adalah ditentukan melalui saiz jangkauan individu, nilai sumber dan faedah yang boleh diaktifkan dan jumlah bilangan hubungan. Kepercayaan adalah melibatkan kepercayaan di kalangan ahli, pemilik bank ke atas kumpulan, individu dalam kejiranan dan kepercayaan dalam urusan perniagaan.

Sebaliknya, Xiu dan Liu (2005) telah mendefinisikan kepercayaan sebagai keadaan psikologi dalam masyarakat. Pada umumnya kepercayaan bermakna hubungan dwiunsur orang antara dua entiti iaitu keyakinan, kepercayaan dan harapan satu entiti yang entiti yang lain akan bertindak atau berniat untuk bertindak dalam cara mendapat faedah. Entiti yang dipercayai ialah biasanya dipanggil *trustor* dan entiti yang lain adalah sebagai klien atau pemegang amanah (*trustee*). Dalam masyarakat, keupayaan seorang individu atau organisasi adalah sangat terbatas yang mesti bergantung pada individu lain atau bekerjasama dengan individu lain supaya mencapai matlamat yang berbeza dalam kehidupan dan pekerjaan. Saling pergantungan tersebut antara satu sama lain menyebabkan kepercayaan menjadi satu unit sambungan sosial asas yang membolehkan manusia bekerjasama antara satu sama lain tanpa rasa takut dan membenarkan manusia menggunakan kepercayaan sebagai satu unsur utama untuk penyelesaian konflik. Kepercayaan individu terhadap manusia yang lain boleh berdasarkan pada penilaian manusia ke atas kemampuan individu lain, kebaikan dan integriti yang dibawa bersama melalui proses pembinaan kepercayaan. Kemampuan adalah merujuk pada penilaian ke atas pengetahuan, kemahiran dan kecekapan pemegang amanah untuk melaksanakan tindakan seperti yang dijangka. Kebaikan merujuk pada penilaian bahawa pemegang amanah adalah berkenaan dengan kebajikan orang yang dipercayai iaitu sama ada menyokong atau menghalang kepentingan *trustor*. Integriti merujuk pada darjah pemegang amanah mematuhi prinsip-prinsip yang boleh diterima oleh *trustor*. Ciri-ciri integriti ialah pertama, boleh diramal iaitu berkelakuan dalam cara yang tetap dan sejajar, kedua ialah kebolehppercayaan iaitu berkelakuan seperti yang dijangka dan ketiga ialah nilai iaitu mematuhi peraturan atau norma. Berdasarkan pada definisi yang telah dibincangkan di atas, maka kajian ini akan mendefinisikan kepercayaan sebagai kepercayaan terhadap kawan dan

individu yang tidak dikenali. Ini adalah kerana kepercayaan adalah merupakan pengertian abstrak dan susah diukur dan makna kepercayaan adalah berbeza mengikut individu.

2.2.2.6 Tindakan Kolektif dan Kerjasama

Pelbagai definisi tindakan kolektif dan kerjasama telah dibincangkan di dalam kajian-kajian lepas sebagai contohnya Lalitha (2013) yang telah mendefinisikan tindakan kolektif dan kerjasama sebagai ahli kumpulan yang bekerja dengan rakan ahli dalam kumpulan dan bekerja dengan ahli komuniti dalam projek bersama seperti kebersihan dan air minuman. Pemboleh ubah ini juga mengambil kira kesan tingkah laku bukan kerjasama di kalangan ahli. Tindakan kolektif adalah pusat Kumpulan Bantuan Diri dan kejayaan kumpulan sebahagian besarnya bergantung pada tindakan kolektif ahli kumpulan.

Sebaliknya Grootaert dan van Bastelaer (2002) telah mendefinisikan tindakan kolektif sebagai masyarakat bekerjasama atau bekerja secara bersama untuk menyelesaikan masalah sama ada ia akan mendatangkan hasil yang positif atau negatif. Tindakan kolektif boleh menjadi pemboleh ubah untuk memahami modal sosial. Manakala Liang et al. (2015) telah mendefinisikan tindakan kolektif dan kerjasama sebagai had tindakan bersama, kategori aktiviti yang ditanggung secara bersama dan menilai secara menyeluruh ke atas kerelaan untuk mengadakan kerjasama dan terlibat dalam tindakan bersama. Berdasarkan pada definisi-definisi yang telah dibincangkan di atas, maka kajian ini akan mendefinisikan tindakan kolektif dan kerjasama sebagai individu yang mengadakan kerjasama dengan manusia lain dalam masyarakat ketika mengadakan projek dan memberi reaksi ke atas masalah. Ini adalah kerana definisi ini mengutip maklumat berkenaan had tindakan bersama, kategori aktiviti secara bersama dan menilai secara menyeluruh ke atas kerjasama dan tindakan kolektif.

2.2.2.7 Maklumat dan Komunikasi

Definisi maklumat dan komunikasi banyak dibincangkan di dalam kajian-kajian lepas oleh pengkaji yang berbeza sebagai contohnya Lalitha (2013) telah mendefinisikan maklumat dan komunikasi sebagai kuasa dan akses kepada maklumat yang dikenal pasti sebagai penting untuk membantu masyarakat miskin mempunyai suara yang kuat dalam hal-hal yang mempengaruhi kesejahteraan mereka. Ahli yang mendapat maklumat adalah lebih pandai dan mempunyai lebih banyak peluang untuk berjaya dalam rangkaian dengan agensi lain. Pemboleh ubah ini meneroka cara ahli kumpulan menerima maklumat berdasarkan keadaan pasaran, perkhidmatan awam dan takat akses kepada infrastruktur komunikasi. Ia juga mengambil kira simetri maklumat di kalangan ahli kumpulan.

Sebaliknya, Abili (2011) telah mendefinisikan maklumat dan komunikasi sebagai berkenaan dengan sumber maklumat dan takrifan komunikasi. Matlamat dimensi ini adalah untuk meneliti sama ada kelompok dan rangkaian sosial tertentu ada akses kepada maklumat dan komunikasi yang baik atau kurang baik. Selain dari itu, ia bermatlamat untuk membuat penilaian sama ada kelompok dan rangkaian sosial bertindak sebagai sumber maklumat yang amat berharga berbanding sumber yang tidak melibatkan perasaan peribadi seperti televisyen dan surat khabar. Berdasarkan pada definisi yang telah dibincangkan di atas, maka kajian ini akan mendefinisikan maklumat dan komunikasi sebagai penerimaan maklumat dan sumber maklumat. Ini adalah kerana definisi ini menerangkan capaian kepada kemudahan komunikasi.

2.2.2.8 Perpaduan dan penyertaan sosial

Terdapat kepelbagaian dalam definisi perpaduan dan penyertaan sosial dalam kajian-kajian lepas sebagai contohnya Lalitha (2013) yang telah mendefinisikan perpaduan

dan penyertaan sosial sebagai masyarakat adalah bukan entiti tunggal tetapi dicirikan oleh pelbagai bentuk pembahagian berasaskan kasta, agama, pekerjaan dan lain-lain. Dalam amalan sebenar, kumpulan adalah dicirikan oleh bentuk berbeza dalam kumpulan dan wujud perbezaan yang akan menyebabkan konflik. Konflik adalah berlaku dalam pelbagai jenis seperti antara ahli, ahli dan ketua, kumpulan dan pertubuhan bukan kerajaan, kumpulan dan bank yang tidak dapat dielakkan. Pemboleh ubah ini mengenal pasti ciri-ciri dan takat perbezaan tersebut dan mekanisma yang diuruskan. Pemboleh ubah perpaduan dan penyertaan sosial mengkaji penyertaan dan pengeluaran bahagian atau kumpulan yang lemah dalam kerja pentadbiran dan pembuatan keputusan.

Sebaliknya, Oxoby (2009) telah mendefinisikan perpaduan sosial sebagai ciri-ciri masyarakat yang bergantung pada pengumpulan modal sosial dan penyertaan sosial sebagai akses kepada hak dan sumber serta kehadiran halangan kepada institusi sosial tanpa mendefinisikan secara langsung berkenaan hak atau institusi. Berdasarkan pada definisi-definisi yang telah dibincangkan di atas, maka kajian ini akan mendefinisikan perpaduan dan penyertaan sosial sebagai penyertaan dalam kumpulan, kecenderungan bergaul, keharmonian sosial dan interaksi sosial yang kerap. Ini adalah kerana definisi ini dapat menerangkan kepercayaan individu dan konflik.

2.2.2.9 Pendayaupayaan

Pelbagai definisi pendayaupayaan telah dibincangkan di dalam kajian-kajian lepas sebagai contohnya Lalitha (2013) yang telah mendefinisikan pendayaupayaan sebagai proses mencabar hubungan kuasa yang wujud dan memperolehi kawalan ke atas sumber seperti kewangan, sumber semula jadi dan fizikal. Individu yang menganggotai kumpulan adalah mempunyai pendayaupayaan pada takat mereka mempunyai ukuran kawalan ke atas

kesejahteraan mereka. Pemboleh ubah ini meneroka kecekapan sosial ahli dan keupayaan untuk mempengaruhi peristiwa tempatan dan hasil politik yang lebih luas.

Sebaliknya, Eyben et al. (2008) telah mendefinisikan pendayaupayaan sebagai kuasa berkenaan kebarangkalian dan pilihan untuk bertindak iaitu kuasa yang membolehkan manusia untuk menggalakkan individu melakukan perkara yang tidak pernah difikirkan mampu dilakukan. Kuasa tersebut berasal dari tindakan bekerjasama dengan individu lain untuk menuntut perkara yang baik kepada manusia. Pendayaupayaan berlaku apabila individu dan kumpulan terancang mampu memikirkan dunia secara berbeza dan menyedari cita-cita melalui mengubah hubungan kuasa semasa mereka dalam keadaan kemiskinan. Berdasarkan pada definisi yang telah dibincangkan di atas, maka kajian ini akan mendefinisikan pendayaupayaan sebagai kemampuan dalam menghasilkan keputusan yang memberi kesan ke atas aktiviti individu dan boleh membuat perubahan ke atas arah haluan hidup individu seperti aspek kegembiraan, keadaan cekap dalam membuat keputusan dan kemampuan untuk memberi kesan ke atas peristiwa tempatan. Ini adalah kerana definisi ini dapat menerangkan pendayaupayaan secara lebih khusus dalam aktiviti kehidupan seharian manusia.

2.2.3 Teori Berkenaan Modal Sosial : Teori Rangkaian/Jaringan

Definisi teori rangkaian ialah interaksi sosial dalam aspek nod dan ikatan. Nod ialah aktor individu dalam jaringan sosial, dan ikatan merupakan hubungan antara aktor. Wujud pengelasan ikatan antara nod yang berbeza-beza dan corak yang amat senang dalam satu jaringan sosial adalah satu peta dari semua ikatan yang berkenaan di kalangan nod yang dikaji. Jaringan sosial juga dapat digunakan untuk menentukan modal sosial aktor individu. Pengertian tersebut sering kali digambarkan melalui rajah iaitu nod ialah titik dan ikatan

ialah garis. Keupayaan teori rangkaian ialah datang dari kajian tradisional sosiologi yang berbeza yang telah meramalkan ciri-ciri aktor individu sama ada mereka merupakan individu yang mesra atau tidak mesra, bijak atau tidak bijak dan lain-lain. Definisi ini dipilih kerana menjelaskan bagaimana hubungan mempengaruhi tingkah laku. Ulasan karya terdahulu menunjukkan bahawa terdapat 2 titik yang menjamin pertimbangan iaitu titik 1 ialah kehadiran peluang pembrokeran adalah lebih rendah dalam rangkaian dalam talian berbanding dengan jangkaan teoretikal, dan kemampuan ahli dalam rangkaian untuk menyambungkan kumpulan merentasi lubang struktur dan kurang cekap. Titik 2 ialah perbezaan antara pergerakan Occupy Wall Street (OWS) dan kes-kes lain menimbulkan persoalan tentang sifat asal peristiwa dan sama ada perbezaan ini adalah akibat kehadiran organisasi yang boleh menjelaskan perbezaan penemuan berkaitan pembrokeran (Sajuria et al. 2014; Appalachian State University, 2005; University of Twente, 2010).

Berbeza dengan ulasan karya terdahulu yang mentakrifkan teori rangkaian sebagai satu bidang sains komputer dan sains rangkaian serta sebahagian dari teori graf. Ulasan karya terdahulu menunjukkan perubahan dalam prestasi tenaga fabrik melalui reka bentuk proses dan ilustrasi kontroversi yang mempunyai kesan iaitu prototaip 1 menunjukkan 10.6 peratus dan prototaip 2 ialah 20.6 peratus (Technopedia, 2015; Bradbury, 2014).

Menurut Anderson (2011), teori rangkaian mengandungi aspek-aspek kajian seperti susunan interaksi sosial di kalangan elemen-elemen utama yang menghasilkan satu sistem. Menurut Narasimhan dan Narayanan (2013) yang menyebut bahawa teori rangkaian cuba menjelajah susunan interaksi sosial di kalangan institusi-institusi sosial dan mengemukakan cadangan bahawa pola ikatan sosial mempengaruhi pembahagian sumber dan dengan itu mengandungi kesan bagi mengubah senario sosial melangkaui konteks entiti individu. Interaksi sosial di kalangan organisasi-organisasi, individu-individu, atau kelompok mungkin dikaji daripada perspektif ini. Mengikut Universiti of Twente (2010), teori

rangkaian adalah satu frasa sangat lazim yang boleh dirujuk sebagai kajian berkenaan hubungan sosial.

Teori rangkaian juga dapat dikatakan sebagai mempunyai kaitan dengan hubungan di kalangan individu, bahan kimia, atom, binatang, organisasi, syarikat-syarikat, atau negara-negara (Martin, 2015). Interaksi sosial dapat berlaku dalam bentuk positif atau negatif, ramah atau bermusuhan, berorientasikan-urusniaga, yang berasaskan-kimia atau berorientasikan-dalam cara agama (Dudhwala, 2015; European University Institute, 2011). Appalachian State University (2005) menyatakan teori rangkaian mempunyai nama yang berbeza yang digunakan secara bersilih ganti iaitu analisis rangkaian dan teori rangkaian sosial.

Tatacara teori rangkaian sosial ialah satu cara pemikiran yang berbeza iaitu ciri-ciri individu adalah tidak begitu berharga dalam interaksi sosial dan ikatan dengan aktor individu lain dalam jaringan sosial. Kaedah ini merupakan pendekatan yang sangat berguna untuk menjelaskan pelbagai senario di dunia nyata namun memberi kesan iaitu mengurangkan ruang bagi entiti individu, kemampuan untuk individu menghasilkan kejayaan mereka, maka sangat bergantung pada susunan jaringan sosial. Jaringan hubungan sosial berguna bagi menjalankan kajian berkenaan proses-proses syarikat-syarikat mengadakan hubungan sosial dengan entiti lain, menentukan sifat-sifat hubungan sosial yang berbeza secara tidak formal yang menghasilkan interaksi sosial di kalangan eksekutif secara kolektif dan persatuan serta mewujudkan hubungan sosial di kalangan pekerja-pekerja individu di pelbagai syarikat. Jaringan sosial ini mengadakan kaedah bagi membolehkan syarikat mengutip maklumat, menyekat persaingan dan mengadakan pakatan secara sulit untuk menentukan nilai barangan dan perkhidmatan atau polisi (Appalachian State University, 2005).

Ritzer (2011) menyatakan bahawa tumpuan yang amat penting dalam teori rangkaian ialah interaksi sosial, atau pola objektif ikatan yang mewujudkan interaksi sosial di kalangan ahli-ahli (individu dan kolektif) komuniti. Antara perkara-perkara yang wujud secara tersendiri dalam teori rangkaian ialah menekankan pada lingkungan yang besar ke atas susunan mikro ke makro. Ini adalah merujuk bahawa dalam teori rangkaian, aktor mungkin individu, namun aktor juga boleh wujud dalam kelompok, syarikat, dan komuniti. Interaksi sosial terjadi pada aras ukuran besar-besaran, aras susunan sosial dan juga pada aras agak mikroskopik. Granovetter (1985) menjelaskan bahawa interaksi sosial pada aras-mikro demikian adalah merupakan tindakan “tersembunyi” dalam interaksi sosial peribadi yang konkrit dan susunan (atau jaringan) interaksi sosial demikian. Perkara utama dalam interaksi sosial adalah idea bahawa mana-mana “aktor” (individu atau kumpulan) kemungkinan ada capaian yang berbeza ke atas sumber-sumber berharga seperti kekayaan, kuasa, maklumat (Ritzer, 2011).

Keputusannya ialah sistem yang mempunyai susunan cenderung untuk mempunyai lapisan, dengan sebilangan bahagian yang mempunyai pergantungan kepada bahagian lain. Granovetter (1973) membuat perbezaan ke atas “ikatan lemah”, sebagai contohnya, interaksi sosial di kalangan individu dan rakan akrab, dan “ikatan lemah”, sebagai contohnya, interaksi sosial di kalangan individu dan kenalan semata-mata. Ikatan lemah antara aktor kemungkinan dapat menjadi penghubung atau jambatan antara dua kelompok dengan ikatan dalaman kuat. Jika tidak terdapat ikatan lemah demikian, dua kelompok kemungkinan menjadi terpinggir. Hubungan yang terputus tersebut kemudiannya akan menyebabkan terhasil sistem sosial lebih terpisah-pisah atau terputus. Seorang individu yang tidak mempunyai ikatan lemah akan menemui diri sendiri terpisah dalam satu kelompok yang mempunyai kaitan secara akrab dan mengalami kekurangan maklumat

berkenaan dengan senario yang sedang berlaku dalam kelompok lain serta dalam komuniti lebih besar (Ritzer, 2011).

Ikatan lemah boleh menyekat senario hubungan sosial terputus dan membolehkan individu menjadi amat berpadu ke dalam komuniti yang lebih besar. Interaksi sosial yang akrab mengandungi rangsangan yang lebih kuat untuk individu membantu antara satu sama lain dan lebih bersedia kepada satu sama lain. Teori rangkaian didapati mempunyai pergantungan ke atas satu set prinsip-prinsip yang mempunyai pertalian secara logik. Pertama, ikatan antara aktor pada asasnya ialah berbentuk simetri di kedua-dua kandungan dan keamatan. Aktor menyediakan antara satu sama lain dengan benda berbeza, dan melaksanakannya dengan keamatan yang lebih besar atau lebih kecil. Kedua, ikatan antara individu semestinya perlu dianalisis dalam latar belakang susunan jaringan sosial yang lebih besar (Ritzer, 2011).

Ketiga, penyusunan ikatan sosial boleh menyebabkan pembentukan jaringan sosial bukan rawak. Keempat, kewujudan kumpulan menyebabkan penghasilan kenyataan bahawa terdapat silang-interaksi sosial di kalangan kumpulan dan juga antara individu. Kelima, terdapat ikatan tidak simetri antara elemen-elemen dalam satu sistem, dengan keputusan bahawa sumber yang terbatas adalah diagihkan dengan cara yang berbeza. Akhir sekali, pengagihan yang tidak serupa dalam sumber yang terbatas menyebabkan berlaku kerjasama dan persaingan. Sebilangan kelompok adalah bersepadu dalam satu kelompok untuk mendapat sumber yang terbatas secara usaha sama, manakala yang lain bersaing dan berkonflik ke atas sumber. Oleh itu, teori rangkaian mengandungi satu kualiti yang sentiasa berubah-ubah, dengan susunan sistem yang mengalami perubahan dengan peralihan corak gabungan dan konflik (Ritzer, 2011). Kesimpulannya, ulasan karya terdahulu menumpukan teori rangkaian pada nod dan ikatan. Hubungan sosial adalah melibatkan nod dan ikatan. Oleh itu, kajian ini juga menumpukan pada nod dan ikatan.

2.3 Kepentingan Modal Sosial Kepada Pencapaian Akademik

Modal sosial semakin mendapat perhatian di kalangan elit politik dan ekonomi walau bagaimanapun istilah tersebut masih kekal tidak diketahui oleh orang awam. Di kalangan ahli politik dan sarjana yang menggunakan istilah tersebut menunjukkan kekeliruan tentang makna modal sosial atau cara konsep modal sosial diukur. Cara penggunaan konsep modal sosial menunjukkan ada perkaitan dengan aspek masyarakat, masyarakat sivil dan struktur sosial yang menumpukan pada aspek kaedah manusia berhubung antara satu sama lain. Golongan yang berminat dengan konsep modal sosial adalah pertama pembuat dasar dan kedua adalah penyelidikan akademik. Penggunaan istilah modal sosial oleh golongan pembuat dasar adalah kesan dari kebangkitan politik parti berpusat pembangkang semasa pertengahan tahun 1990an merentasi dunia barat. Penyelidikan akademik ke atas istilah modal sosial merekodkan perhubungan antara bentuk dan kualiti rangkaian sosial individu dan julat hasil penting termasuk pertumbuhan ekonomi, kesihatan, jenayah, prestasi pendidikan dan keberkesanan kerajaan (Halpern, 2005).

Modal sosial penting kepada pencapaian pendidikan disebabkan kajian ke atas konsep modal sosial mencari cara untuk merumuskan konsep sosial, ekonomi, demografi, perubahan politik dan kesan ke atas masyarakat. Definisi modal sosial umum yang sangat berguna adalah konsep modal sosial merujuk pada rangkaian sosial yang berasaskan pada norma sosial dan kumpulan yang membolehkan individu untuk percaya dan bekerjasama antara satu sama lain serta melalui individu atau kumpulan boleh memperolehi beberapa jenis faedah (Nicholson dan Hoyer, 2008).

Definisi modal sosial yang luas memudahkan tindakan kolektif untuk tujuan faedah bersama di kalangan individu. Modal sosial tetap terdapat dalam hubungan antara individu dan impak dari aspek ini boleh dilihat ke atas individu, masyarakat atau kumpulan. Ia

merujuk pada kualiti hubungan manusia yang wujud dalam beberapa kumpulan sosial yang tertakrif dengan baik yang memberi kesan pada mencapai manfaat bersama (Lalitha, 2013).

2.4 Konsep Pencapaian Akademik

Terdapat banyak definisi pencapaian pendidikan yang telah dibincangkan di dalam kajian-kajian lepas sebagai contohnya Organisation for Economic Co-operation and Development (2013) telah mendefinisikan pencapaian pendidikan sebagai tahap tertinggi pendidikan yang ditamatkan oleh seseorang individu ditunjukkan dalam peratusan bagi semua individu dalam kumpulan umur. Pendidikan tertiar termasuk kedua-dua jenis A dan B. Jenis A sebahagian besarnya berasaskan teori dan direka bentuk untuk menyediakan kelayakan bagi memasuki program penyelidikan tahap tinggi dan profesion yang memerlukan kemahiran yang tinggi. Jenis B ialah pada umumnya tidak bertujuan untuk membawa ke tahap yang lebih tinggi tetapi secara langsung ke pasaran buruh. Pendidikan sekunder aras tinggi biasanya dikaitkan dengan pelajar yang berjaya menamatkan persekolahan menengah rendah. Pendidikan menengah rendah melengkapkan peruntukan pendidikan asas biasanya dalam cara yang berorientasikan subjek dan dengan guru yang lebih pakar. Pencapaian pendidikan adalah penting kerana ia merupakan proksi yang digunakan secara umum untuk modal manusia seperti kemahiran.

Sebaliknya Stoops (2004) telah mendefinisikan pencapaian pendidikan sebagai persoalan dalam tinjauan penduduk semasa yang bertujuan mendapat maklumat berkenaan gred tertinggi atau tahap yang berjaya ditamatkan yang digunakan untuk menentukan pencapaian pendidikan. Sebelum tahun 1992 pencapaian pendidikan telah diukur melalui tahun persekolahan yang berjaya ditamatkan. Manakala Australian Bureau of Statistics (2012) telah mendefinisikan pencapaian pendidikan sebagai kelayakan pendidikan formal

yang merupakan keputusan yang diinginkan oleh individu yang belajar di institusi pendidikan. Pencapaian pendidikan juga berkaitan dengan tahap khusus pengetahuan, kemahiran dan kecekapan. Kelayakan formal membantu graduan apabila memasuki pasaran buruh yang membantu pekerja untuk memilih kerjaya yang sesuai dan membolehkan individu menilai kualiti perkhidmatan profesional pekerja. Kepentingan pencapaian pendidikan ialah pengelasan pencapaian pendidikan melalui kerangka tertentu membantu dalam membuat pengukuran modal manusia seperti kemahiran yang ada dalam masyarakat, membolehkan pembuat dasar untuk memantau bekalan pekerja berkemahiran berbanding dengan permintaan ke atas pekerja dan untuk merancang arah haluan masa depan tumpuan dalam pendidikan.

Sebaliknya, Rani et al. (2007) telah mendefinisikan ujian pencapaian sebagai menunjukkan darjah keserupaan antara tugas yang ditunjukkan oleh item dan tingkah laku sebenar atau trait yang perlu dilihat atau diramalkan berbeza dengan beberapa jenis instrumen. Ujian pencapaian pendidikan menggunakan item yang mengkaji perolehan atau pembangunan kemahiran. Kemampuan dan pencapaian pelajar perlu dinilai. Penilaian adalah dijalankan untuk menemui sama ada pelajar mampu untuk memperolehi pengetahuan, kemahiran dan sikap yang diperlukan.

Sebaliknya Kao et al. (2013) telah mendefinisikan pencapaian pendidikan sebagai tahun persekolahan yang diterima oleh individu atau darjah yang diperolehi seperti ijazah sarjana muda, ijazah sarjana dan lain-lain. Pencapaian pendidikan juga merujuk pada gred, skor ujian atau lain-lain penunjuk yang mengukur prestasi di sekolah seperti purata poin gred (*grade point average/GPA*) atau skor SAT). Walau bagaimanapun tidak terdapat satu indikator tunggal yang lebih baik untuk menilai kejayaan individu dan keluarga berbanding pencapaian mereka. Ibu bapa dan anak-anak melihat diri mereka atau orang lain

dengan ijazah sarjana adalah lebih berjaya berbanding golongan yang keciciran di sekolah tinggi.

Berdasarkan definisi-definisi yang telah dibincangkan di atas, maka kajian ini mendefinisikan pencapaian pendidikan sebagai kecemerlangan dalam semua disiplin akademik. Ini adalah kerana definisi ini menggambarkan prestasi pendidikan atau akademik yang mempunyai tahap pencapaian yang tetap melalui ujian-ujian di sekolah.

2.5 Pendidikan

Kajian-kajian lepas banyak membincangkan definisi jambatan sosial sebagai contohnya National Council of Educational Research (2014) telah mendefinisikan pendidikan sebagai darjah atau sijil atau pangkat. Terdapat usaha yang dibuat untuk membangunkan pengetahuan, kemahiran, sikap dan habit dalam institusi tersebut. Ini adalah merupakan konsep sempit yang melibatkan beberapa usaha khusus dan dirancang yang mempunyai kesan kepada pembangunan individu. Definisi lebih luas konsep pendidikan ialah tidak terbatas kepada kelas atau sekolah sahaja. Pendidikan merupakan proses sepanjang hayat di mana semua pengalaman, pengetahuan dan kebijaksanaan yang diperolehi oleh individu pada peringkat yang berbeza dalam kehidupan individu melalui saluran berbeza seperti secara formal, tidak formal dan secara kebetulan.

Sebaliknya Gregory (2015) telah mendefinisikan pendidikan sebagai melengkapkan minda untuk memahami dunia fizikal, sosial dan kebudayaan. Sewell dan Newman (2006) telah mendefinisikan pendidikan sebagai membangunkan kepakaran dalam pelbagai bahasa. Vaske (2001) telah mendefinisikan pendidikan dewasa sebagai individu yang memainkan peranan sosial yang utama adalah dicirikan oleh status dewasa menjalankan aktiviti pembelajaran sistematik dan berterusan untuk tujuan membawa perubahan dalam

pengetahuan, sikap, nilai atau kemahiran. Berdasarkan definisi-definisi yang telah dibincangkan di atas, maka kajian ini mendefinisikan pendidikan sebagai persekolahan formal yang melibatkan latihan dan pengajaran secara formal di institusi formal. Ini adalah kerana definisi ini menggambarkan persekolahan formal dan aktiviti pengajaran yang dirancang.

2.6 Masyarakat Desa

Pelbagai definisi masyarakat desa telah dibincangkan di dalam kajian-kajian lepas sebagai contohnya Calder (2004) telah mendefinisikan masyarakat desa sebagai berada dalam lokasi berkaitan dengan keagamaan seperti masjid, dewan masyarakat dan dewan bandar. Institusi sosial, politik dan keagamaan adalah pusat bagi asas komuniti dan adalah sesuai ditubuhkan di pusat kawasan bandar. Ladang milik keluarga menyokong jenis masyarakat ini yang dikelilingi oleh institusi-institusi dan menyediakan kemudahan pendidikan, fizikal, spiritual dan mental.

Sebaliknya, Jones (2007) telah mendefinisikan masyarakat desa sebagai sebuah kawasan dengan penduduk kurang dari 2,500 orang dan merupakan kawasan di luar dari bandar yang adalah dikelaskan sebagai tanah ladang. Ramsey dan Beesley (2007) telah mendefinisikan masyarakat desa sebagai berasaskan pada persatuan, sumber pendapatan dan gabungan tempat, kawasan dan interaksi. Berdasarkan definisi-definisi yang telah dibincangkan di atas, maka kajian ini mendefinisikan masyarakat desa sebagai sekumpulan manusia yang tinggal tetap di kawasan geografi yang tetap. Ini adalah kerana definisi ini menggambarkan kumpulan kecil manusia yang bebas dari hubungan asing.

2.7 Sekolah

Terdapat banyak definisi sekolah telah dibincangkan di dalam kajian-kajian lepas sebagai contohnya Ong dan Linfar (2003) telah mendefinisikan sekolah sebagai lebih dari arahan akademik yang berlaku di dalam bilik darjah. Pendidikan pelajar sekolah bergantung pada persekitaran yang menyokong pembelajaran dan adalah wajar bagi pelajar untuk mencapai potensi penuh mereka jika mereka memikirkan tentang keselamatan mereka.

Sebaliknya, Public Schools of North Carolina (2015) telah mendefinisikan sekolah sebagai pecahan bahagian organisasi dalam satu sistem sekolah yang terdiri dari kumpulan murid sekolah yang mengandungi satu atau lebih gred kumpulan, terancang sebagai satu unit dengan dilantik seorang pengetua atau individu yang bertindak dalam kapasiti pengetua untuk memberikan arahan jenis kursus yang telah didefinisikan untuk diajar di sekolah. Sekolah didefinisikan untuk merangkumi semua sekolah awam dan sekolah persendirian yang mempunyai guru dan kurikulum yang telah diluluskan oleh Lembaga Pendidikan Negeri atau Negara. Berdasarkan definisi-definisi yang telah dibincangkan di atas, maka kajian ini mendefinisikan sekolah sebagai tempat untuk sepuluh orang atau lebih mengikut pembelajaran di dalam bilik darjah. Ini adalah kerana definisi ini menggambarkan sekolah sebagai bukan tergolong dalam sebarang tempat yang menjalankan aktiviti mengajar dan tidak terhad kepada sebarang agama.

2.8 Jantina dan Modal Sosial

Pelbagai definisi jantina dan hubungan dengan modal sosial telah dibincangkan di dalam kajian-kajian lepas sebagai contohnya Arneil (2006^a) telah mendefinisikan jantina dan hubungan dengan modal sosial sebagai prinsip utama yang penting bagi organisasi dan berkaitan dengan fraternalisme yang membicarakan pembinaan hubungan sosial antara

lelaki dan tidak termasuk wanita. Sebaliknya, Griffin (2009) telah mendefinisikan jantina dan hubungan dengan modal sosial sebagai jantina adalah penting dalam usaha pembinaan sosial menghasilkan penjelasan ke atas proses melaksanakan tanggungjawab dan peranan. Jantina merupakan pengaruh penting dalam penggunaan rangkaian sosial khususnya dalam memberi sokongan kepada manusia dan mempengaruhi sumber modal sosial.

Berdasarkan definisi-definisi yang telah dibincangkan di atas, maka kajian ini mendefinisikan jantina dan modal sosial sebagai perbezaan modal sosial mengikut jantina. Ini adalah kerana definisi ini menggambarkan pembinaan modal sosial antara lelaki dan perempuan.

2.9 Umur dan Modal Sosial

Pelbagai definisi umur dan hubungan dengan modal sosial telah dibincangkan di dalam kajian-kajian lepas sebagai contohnya Forsman dan Nyqvist (2015) yang telah mendefinisikan umur dan hubungan dengan modal sosial sebagai mempunyai pertalian dengan golongan kumpulan umur lebih tua. Sebaliknya, Williams dan Durrance (2008) telah mendefinisikan umur dan hubungan dengan modal sosial sebagai rangkaian peribadi cenderung untuk menjadi homogen dan ditakrifkan oleh ciri-ciri jantina, pekerjaan, pendidikan, agama, umur dan kaum. Berdasarkan definisi-definisi yang telah dibincangkan di atas, maka kajian ini mendefinisikan umur dan hubungan dengan modal sosial sebagai kumpulan umur yang berbeza menunjukkan modal sosial yang berbeza. Ini adalah kerana ia dapat menunjukkan pemilikan modal sosial mengikut kumpulan umur.

2.10 Bangsa dan Modal Sosial

Pelbagai definisi bangsa dan hubungan dengan modal sosial telah dibincangkan di dalam kajian-kajian lepas sebagai contohnya Kawachi et al. (2013) yang telah mendefinisikan bangsa dan hubungan dengan modal sosial sebagai takat ras atau keetnikan dan pengaruhnya ke atas perpaduan sosial. Sebaliknya, Jennings (2007) yang telah mendefinisikan bangsa dan hubungan dengan modal sosial sebagai keterkaitan sosial dan sikap adalah mempunyai hubungan dengan pengenalan ras. Berdasarkan definisi-definisi yang telah dibincangkan di atas, maka kajian ini mendefinisikan bangsa dan hubungan dengan modal sosial sebagai ras yang berbeza mempunyai modal sosial yang berbeza. Ini adalah kerana ia dapat menunjukkan modal sosial yang berbeza mengikut bangsa.

2.11 Pendapatan Ibu bapa dan Modal Sosial

Pelbagai definisi pendapatan ibu bapa dan hubungan dengan modal sosial telah dibincangkan di dalam kajian-kajian lepas sebagai contohnya Jennings (2007) yang telah mendefinisikan pendapatan ibu bapa dan hubungan dengan modal sosial sebagai sumber untuk memenuhi keperluan ekonomi berkaitan dengan kemiskinan dan pendapatan rendah masyarakat di kawasan bandar. Terdapat anggapan bahawa kekurangan penyertaan sivik atau perhatian tentang isu sivik di pihak penduduk.

Sebaliknya, Riley (2008) yang telah mendefinisikan pendapatan ibu bapa dan hubungan dengan modal sosial sebagai negara yang berpendapatan rendah menemui cara untuk membina bentuk modal sosial yang tersendiri walaupun penduduk mempunyai kemampuan yang sedikit untuk membelanjakan perkara yang bukan merupakan keperluan asas dan negara mempunyai hasil yang kurang untuk mengeluarkan peruntukan ke atas program berkenaan modal sosial. Berdasarkan definisi-definisi yang telah dibincangkan di

atas, maka kajian ini mendefinisikan pendapatan ibu bapa dan hubungan dengan modal sosial sebagai perbezaan antara pendapatan ibu dan bapa dengan modal sosial. Ini adalah kerana ia dapat menunjukkan modal sosial mengikut perolehan pendapatan ibu bapa yang berbeza.

2.12 Biasiswa dan Modal Sosial

Pelbagai definisi biasiswa dan hubungan dengan modal sosial telah dibincangkan di dalam kajian-kajian lepas sebagai contohnya Livshin (2011) yang telah mendefinisikan biasiswa dan hubungan dengan modal sosial sebagai biasiswa mencadangkan rangkaian sosial dan kesepaduan sosial sebagai idea modal sosial yang tidak penting bagi masyarakat moden. Sebaliknya, Williams dan Durrance (2008) yang telah mendefinisikan biasiswa dan hubungan dengan modal sosial sebagai modal sosial dan rangkaian sosial adalah untuk menapis melalui biasiswa masyarakat informatik dan meneroka persoalan masyarakat kerana ia bersilang dengan teknologi. Modal sosial dan rangkaian sosial adalah diambil kira dalam biasiswa masyarakat informatik.

Berdasarkan definisi-definisi yang telah dibincangkan di atas, maka kajian ini mendefinisikan biasiswa dan hubungan dengan modal sosial sebagai perbezaan modal sosial mengikut biasiswa yang diperolehi oleh pelajar. Ini adalah kerana ia dapat menunjukkan modal sosial mengikut perolehan biasiswa pelajar.


2.13 Tingkatan dan Modal Sosial

Pelbagai definisi tingkatan dan hubungan dengan modal sosial telah dibincangkan di dalam kajian-kajian lepas sebagai contohnya Leana (2011) yang telah mendefinisikan

tingkatan dan hubungan dengan modal sosial sebagai modal sosial dipertingkatkan dengan tempoh dalam satu kelas. Sebaliknya, Murayama et al. (2013) yang telah mendefinisikan tingkatan dan hubungan dengan modal sosial sebagai interaksi antara kumpulan dan bilangan tinjauan, diselaraskan untuk tingkatan sekolah pelajar, gender, pengalaman dalam pertukaran dengan orang dewasa dan skala kebaikan sosial untuk kanak-kanak. Berdasarkan definisi-definisi yang telah dibincangkan di atas, maka kajian ini mendefinisikan tingkatan dan hubungan dengan modal sosial sebagai perbezaan modal sosial mengikut tingkatan sekolah pelajar. Ini adalah kerana ia dapat menunjukkan modal sosial mengikut tingkatan sekolah pelajar.

2.14 Kerangka Kajian

Berdasarkan kepada perbincangan yang dibuat daripada definisi di awal bab ini, kerangka kajian telah dibentuk seperti dalam Rajah 2.1.



Rajah 2.1: Kerangka teoretikal menunjukkan pertalian antara pembolehubah modal sosial dengan pencapaian akademik

2.15 Hipotesis Kajian

Objektif 1: mengukur pengaruh modal sosial ke atas pencapaian akademik pelajar desa

H₀₁: Tidak terdapat hubungan yang signifikan modal sosial dengan pencapaian akademik pelajar desa.

Objektif 2: menilai impak corak modal sosial yang berbeza ke atas pencapaian akademik pelajar desa

H₀₂: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara latar belakang demografi pelajar desa dengan modal sosial.

H₀₃: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara modal sosial dengan pencapaian akademik pelajar desa.

2.16 Kesimpulan

Modal sosial adalah berguna untuk membangunkan sumber yang ada pada individu menerusi aspek-aspek penting dalam modal sosial seperti penglibatan individu atau kumpulan dalam kategori hubungan sosial yang berbeza dalam komuniti. Ini adalah disebabkan oleh modal sosial adalah menjadi satu aspek pelaburan yang boleh dilakukan oleh individu atau kumpulan seperti pelaburan dalam bentuk hubungan sosial atau interaksi sosial individu. Melalui hubungan sosial tersebut individu akan terlibat dengan pertukaran maklumat, norma sosial dan sumber yang boleh membantu individu memenuhi tujuan yang diinginkan dalam kumpulan atau masyarakat.